

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

RGW 344 Perumahan dan Pembangunan Komuniti I

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja. Asingkan Bahagian A dan B dalam buku Jawapan yang berasingan.

Bahagian A

1. Terangkan dengan bantuan lakaran SATU daripada jenis-jenis perumahan di bawah ini:-

- (a) Rumah klaster
- (b) Rumah banglo/sebuah
- (c) Rumah berkembar
- (d) Rumah berderet/teres
- (e) Rumah pangsa/pangsapuri tanpa lif
- (f) Rumah teres

(100 Markah)

2. Senaraikan dan terangkan secara ringkas beberapa aktiviti penglibatan Komuniti Perumahan dalam perancangan dan pembangunan. Dalam ruang berasingan senaraikan beberapa input diperlukan dan output yang ditujukan pada tiap-tiap tahap.

Jadualkan jawapan seperti berikut:-

Tahap	Aktiviti	Input	Output

(100 Markah)

...2/-

3. Terangkan bagaimana tiap-tiap SATU daripada (5) komponen yang pada kebiasaannya diambil kira dalam perancangan komprehensif dipengaruhi atau mempengaruhi:-

(a) Kepadatan penduduk

(b) Pembangunan

(100 Markah)

Bahagian B

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perumahan konvensional dan bukan konvensional dalam pembekalan perumahan.

(40 Markah)

(b) Huraikan langkah-langkah dasar yang boleh diambil dalam usaha mencari penyelesaian perumahan bukan konvensional.

(60 Markah)

5. Bincangkan dengan ringkas:-

(a) Keutamaan perumahan dalam pembangunan negara.

(b) Perhubungan pengagihan pendapatan dengan mod-perumahan.

(c) Jenis perumahan institusi.

(d) Peranan agensi serenti dalam Rancangan Malaysia Ke Lima.

(100 Markah)

6. (a) Salah satu daripada pendapat J.F. Turner untuk mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan kepada keluarga/penghuni perumahan adalah menerima satu daripada yang dianggap undang-undang perumahan iaitu "The important thing in housing is not what it is but what it does to the people." (Perkara yang penting dalam perumahan adalah bukan apa dia tetapi apakah yang memberi kesan kepada kehidupan manusia). Jelaskan kenyataan Turner di atas.

(40 Markah)

- (b) Ada pendapat menyatakan penghijrahan berombak-ombak adalah salah satu daripada sebab berlakunya perkembangan setingan di bandar-bandar besar di Semenanjung Malaysia. Bagaimanakah penghijrahan tersebut menggalakkan pertumbuhan setingan?

(60 Markah)

-ooo000ooo-